

TEKS UCAPAN
Y.B. DATO SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI KERJA BERSAMA
PENGGIAT INDUSTRI BINAAN

8 APRIL 2011

SIME DARBY CONVENTION CENTRE, KUALA LUMPUR

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur kerana telah berjaya mengadakan majlis yang begitu bermakna pada malam ini. Saya dimaklumkan, hampir keseluruhan yang berada di sini adalah merupakan jurutera, arkitek, juruukur bahan, pengurus projek, perancang, juruteknik serta lain-lain pakar teknikal dalam bidang pengkhususan masing-masing. Tidak terkecuali, *stakeholders* dan juga penggiat-penggiat sektor pembinaan negara. Sudah pasti kepakaran, kemahiran dan pengalaman tuan-tuan dan puan-puan merupakan aset yang terpenting dan tidak ternilai kepada negara.

2. Justeru, saya melihat majlis pada malam ini amat bertepatan pada masanya. Selain dapat mengeratkan lagi kerjasama yang sedia terjalin, majlis ini juga memberi peluang kepada kita semua bagi menilai dan melihat kembali, apakah peranan yang perlu kita mainkan khususnya dalam memastikan pembangunan infrastruktur dan industri binaan negara berada pada landasan yang tepat, ke arah mencapai status negara maju.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Malaysia telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran dan membina asas ekonomi yang kukuh. Dalam tempoh 54 tahun selepas merdeka, banyak kejayaan telah dicapai dalam pelbagai bidang termasuklah dalam bidang industri pembinaan. Walau bagaimanapun, bagi menangani perubahan persekitaran dalam negara dan peringkat global, Kerajaan perlu bijak dan mempunyai visi yang jelas dalam merancang pembangunan negara demi kebaikan generasi akan datang.

4. Pada tahun lalu, Malaysia telah berjaya melonjakkan kembali pertumbuhan positif KDNK pada kadar 7.2 peratus. Paling membanggakan, sektor pembinaan terus kekal positif bagi 4 tahun

berturut-turut, sekaligus menyumbang dalam merencanakan lagi aktiviti ekonomi sektor lain.

5. Malaysia juga telah muncul sebagai negara Asia paling tinggi merekodkan peningkatan kemasukan pelaburan asing (FDI) iaitu dengan kenaikan sebanyak 409.7%, dari RM4.25 bilion pada tahun 2009 kepada RM21.35 bilion pada tahun 2010. Selain itu, dalam majlis pencapaian Program Transformasi Kerajaan pada 27 Mac 2011 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa hampir kesemua KPI yang telah disasarkan di dalam NKRA telah berjaya dicapai. Ini adalah satu permulaan yang baik dan indikator yang jelas bahawa dasar dan strategi Kerajaan telah membuahkan hasilnya.

6. Maka seharusnya, momentum ini perlu dikekalkan dan dipertingkatkan. Kita semua perlu terus bergerak ke hadapan dan tidak lagi menoleh ke belakang. Tuan-tuan dan puan-puan adalah penentu kepada kejayaan pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang, baik di dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh mahupun projek permulaan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Walau dari sekecil kerja seperti menampal *pothole*, sehinggalah sebesar pembinaan MRT, setiap kerja yang diamanahkan mestilah dilaksanakan dengan sebaiknya.

7. Pada malam ini, saya ingin mengajak semua pihak, baik dari pihak kerajaan, mahupun swasta, melihat dalam konteks yang lebih luas lagi, iaitu:

- a. Bagaimanakah caranya untuk memastikan industri pembinaan dapat menyumbang dan menjadi faktor pemangkin (catalyst) kepada pertumbuhan ekonomi negara? dan

- b. Yang paling penting, bagaimana Kementerian Kerja Raya dapat bekerjasama dengan sektor swasta dan menjadi rakan strategik dan bersama-sama menangani cabaran serta memajukan lagi industri binaan demi pembangunan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Bagi memastikan aktiviti ekonomi dan permintaan domestik terus rancak dan berkembang, Kerajaan telah memberi fokus kepada 2 sektor yang penting iaitu sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan. Walaupun nilai sektor pembinaan lebih kecil berbanding sektor perkhidmatan, namun umum diketahui sektor binaan memberi kesan pengganda atau *spillover effect* kepada sektor-sektor yang lain. Oleh yang demikian, adalah menjadi keutamaan kita semua supaya setiap projek dapat dimulakan dengan segera dan setiap peruntukan dibelanjakan sepenuhnya.

9. Namun, Kerajaan perlu memastikan setiap pelaburan dalam pelaksanaan projek-projek ini mencapai objektif dan outcome yang disasarkan. Seperti yang selalu disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, projek-projek Kerajaan perlu melaksanakan pengurusan nilai supaya kos setiap projek dapat dioptimumkan. *We acknowledge, 'one size does not fit all'.*

10. Mengambil contoh dalam pembinaan jalan, standard JKR boleh diubahsuai dan lebih fleksibel supaya jalan yang dirancang di kawasan luar bandar dapat dibina bagi memenuhi keperluan dengan kos yang lebih berpatutan. Sebagai contoh, saya telah mengarahkan Kementerian supaya value management dijalankan ke atas projek Membina Jalan Balingan ke Jalan Persekutuan Sibu di Sarawak. Ini adalah supaya ianya bertepatan dengan unjuran kajian keperluan trafik dan keperluan sebenar penduduk setempat. Di sinilah pentingnya pengurusan nilai

digabungkan dengan kejuruteraan nilai yang mana gabungan kedua-dua elemen ini dapat memberi impak yang besar kepada golongan sasaran dan juga Kerajaan.

Hadirin sekalian,

11. Pengalaman dalam 9 Rancangan Malaysia yang terdahulu telah banyak memberi pengajaran yang berguna kepada kita semua lebih-lebih lagi dalam tadbir urus projek yang berkesan. Kegagalan beberapa projek sering dikaitkan dengan masalah perolehan, kompetensi kontraktor, kemahiran personel binaan dan tidak kurang juga kualiti bahan binaan yang digunakan. Kerana itulah, antara lain, KKR akan membuat beberapa pindaan penting di dalam Akta CIDB supaya perkara-perkara ini dapat ditangani dan dielakkan daripada berulang di dalam RMKe-10. Tujuan utama pindaan ini adalah untuk memastikan supaya peranan CIDB diperkasakan sebagai badan regulatori utama industri pembinaan negara.

12. Dalam hubungan yang berkaitan, setelah melalui proses dan perjalanan yang panjang, akhirnya cadangan penubuhan akta *Construction Industry Payment Adjudication Act* atau CIPAA semakin hampir kepada sasaran kita. Dengan termaktubnya akta ini, banyak permasalahan dan dilema yang membelenggu penggiat industri binaan khususnya yang berkaitan pengaliran wang atau *business cashflow* akan dapat dirungkaikan.

13. Kementerian Kerja Raya juga telah bersedia dengan sistem pendaftaran tunggal bagi pendaftaran kontraktor atau Sistem 1RoC. Pendaftaran ini dapat memberi maklumat yang tepat mengenai kapasiti kontraktor, merekodkan kerja-kerja yg telah diijalankan, dan juga boleh digunakan sebagai penilaian kecekapan kontraktor. Maklumat-maklumat ini akan dapat membantu Kementerian Kerja Raya dalam memastikan

hanya kontraktor yang mempunyai kelayakan dan rekod kerja cemerlang sahaja diberi pertimbangan dalam penilaian tender.

14. Selain daripada itu, seperti yang saya telah umumkan sebelum ini, proses perolehan akan dipertingkatkan melalui Inisiatif e-Tender Nasional (NeTI). Melalui sistem itu, kontraktor boleh membuat penafsiran sendiri mengenai syarikat mereka sebelum mengambil bahagian dalam tender dengan memasukkan data mengenai syarikat, kemampuan kewangan, dan jumlah pekerja. Sistem yang sedang dalam proses percubaan ini dijangka dapat digunakan tidak lama lagi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Antara perkara lain yang masih boleh ditambah baik adalah kerjasama menyeluruh jangka panjang antara pihak Kerajaan dan swasta. Pihak swasta memainkan peranan yang sangat besar sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Melalui konsep kerjasama awam swasta atau PPP ini, banyak projek demi kemudahan rakyat dapat direalisasikan.

16. Namun, kita perlu menerima hakikat bahawa tidak semua keputusan projek PPP yang diterima baik rakyat pada hari ini, akan memuaskan hati rakyat pada masa akan datang. Contohnya pembinaan lebuh raya. Pembinaan lebuh raya tidak dinafikan telah memberi banyak manfaat kepada rakyat dan pembangunan negara. Tetapi, pada hari ini, kedua-dua pihak Kerajaan dan konsesi perlu memikirkan model kewangan yang terbaik supaya pembinaan lebuh raya tidak membebankan pengguna, Kerajaan dan juga syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan amat berterima kasih kepada syarikat konsesi kerana telah mengambil pelbagai inisiatif seperti memperkenalkan diskaun, rebat tol dan sebagainya demi kemudahan rakyat. Diharap, selepas ini, lebih banyak lagi *corporate*

social responsibility (CSR) dapat disalurkan oleh syarikat-syarikat konsesi.

17. Secara amnya, Kementerian Kerja Raya dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk memastikan persekitaran industri ini sebagai persekitaran yang kondusif bagi semua pihak. Segala permasalahan dan isu yang timbul akan dibincang secara bersama. Manakala jalan penyelesaian terbaik dicapai melalui meja rundingan dan forum yang sesuai. Saya yakin dan percaya, melalui penglibatan menyeluruh semua pihak dan persefahaman yang wujud antara Kerajaan dan swasta, tidak mustahil industri binaan negara akan berkembang dengan lebih pesat lagi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Sebagai komitmen berterusan Kerajaan menggalakkan kontraktor tempatan meraih peluang di luar negara, pada awal tahun ini, YAB Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan pembukaan pejabat baru CIDB di India. Pejabat ini dibuka khusus dalam memudahkan urusan antara kontraktor, Kerajaan Malaysia dan pihak berkuasa di India. Diharap, melalui fasiliti yang disediakan ini, dapat membantu kontraktor tempatan menjalankan kerja tanpa sebarang masalah.

19. Kita sebenarnya amat berbangga dengan kejayaan kontraktor tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran kerja pembinaan di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, adalah wajar bagi setiap kontraktor yang ingin membida projek-projek di luar negara melaksanakan kajian pasaran yang terperinci, kajian analitikal mengenai sosio dan budaya serta menyediakan pelan tindakan pengurusan risiko dan krisis. Kontraktor tempatan juga haruslah mempunyai daya tahan (resilient) yang tinggi. Kerajaan melalui CIDB sentiasa menyediakan

bantuan dan khidmat nasihat bagi mana-mana kontraktor tempatan yang ingin menceburi kerja pembinaan di luar negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Kita semua mempunyai peluang luas untuk mencorakkan landskap industri pembinaan negara. Tidak kira di mana saja tuan-tuan dan puan-puan berada, gunakan segala kesempatan yang ada pada hari ini bersama-sama dalam menyumbang mentransformasikan Malaysia. Baik, buruk atau gahnya berdiri sesebuah binaan terletak di atas tangan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kerana apa yang kita bina pada hari ini akan menjadi mercu tanda dan legasi di masa hadapan. Biarlah nama kita semua terpahat sebagai individu yang diingati atas kejayaan dan bukannya atas kegagalan.

21. *Finally, let this night be a celebration of our success in putting Malaysia on a firm footing of dynamic infrastructure development. This foundation of road networks, transportation facilities: be it airports, ports or railway and bus terminals, in addition to with schools, hospitals, quarters and office complexes – all serve as the foundation for national development. But this is just only the beginning of our journey – towards being and sustaining ourselves as a developed nation. This aspiration is only possible through active partnership of all those involved in infrastructure development – government servants, the private sector, professionals and the construction industry workforce. TOGETHER WE BUILD! And quality works must be our hallmark!*

22. Sekian, terima kasih.